



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
24 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 24 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah tujuh (7) laporan kejadian kluster ILI daripada empat (4) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 23 April 2010, sejumlah 40 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,397. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 556 kes. Daripada jumlah tersebut, 78 kes (14.0%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah 12 kes di mana 10 daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko.

Kementerian Kesihatan juga telah menerima tiga (3) laporan kematian H1N1 pada hari ini. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) kes kematian sahaja yang disebabkan oleh jangkitan influenza A(H1N1), manakala dua (2) kes lagi sebab kematiannya adalah bukan disebabkan oleh jangkitan H1N1 secara langsung. Ini menjadikan jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini adalah 80 orang.

Tiga kematian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Seorang lelaki berumur 55 tahun yang tiada faktor risiko bagi jangkitan H1N1. Dimasukkan ke sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur pada 18 April 2010 setelah mengalami masalah pernafasan. Kes telah meninggal dunia pada 21 April 2010 akibat akibat jangkitan influenza A(H1N1) dan penyebab kematian ialah "Severe Bronchopneumonia secondary to H1N1";
- ii. Seorang lelaki berumur 59 tahun dengan sejarah penyakit kardiovaskular dan diabetes telah dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 18 April 2010 kerana masalah pernafasan. Kes telah meninggal dunia pada 19 April 2010 dengan sebab kematian "Acute Coronary Syndrome". Hasil laporan pakar-pakar telah

mengesahkan bahawa kematian adalah **bukan** disebabkan oleh H1N1;

- iii. Seorang lelaki berumur 53 tahun dengan sejarah diabetes dan *gangrene* kaki kanan. Telah dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 9 April 2010 kerana disyaki jangkitan kuman yang serius akibat *gangrene* kaki kanan. Kes telah meninggal dunia pada 16 April 2010 dengan sebab kematian "Septicaemic shock secondary to diabetic foot gangrene". Hasil laporan pakar-pakar juga telah mengesahkan bahawa kematian ini adalah **tidak** disebabkan oleh H1N1.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 24 April 2010

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,
Sehingga 8:00 Pagi Pada 24 April 2010**

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	PLKN Setia Ikhlas, Semenyih, Selangor	431 orang	32 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar, dengan 10 menerima rawatan antiviral
2	SK Kijal, Kemaman, Terengganu	898 orang	7 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
3	SMK Jasin, Melaka	913 orang	4 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik dan antiviral sebagai pesakit luar
4	Farmasi Satelit Wad 7A & 7B, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor	20 orang	4 orang	Ujian PCR positif bagi satu (1) kes	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar, dengan 3 menerima rawatan antiviral
5	SM Tun Hussein Onn, Kluang, Johor	Masih dalam siasatan	3 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
6	Kem Tentera Mahkota, Kluang, Johor	Masih dalam siasatan	3 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
7	Kediaman persendirian di Kg. Pinang, Pelabuhan Klang, Selangor	5 orang	2 orang	Ujian PCR positif bagi dua (2) kes	Semua diberi rawatan simptomatik dan antiviral sebagai pesakit dalam di hospital swasta